

UNIVERSITI SAINS MALAYSIA  
 Peperiksaan Semester Pertama  
 Sidang 1990/91  
 Oktober/November 1990

KAA 447 Kimia Analisis Lanjutan II  
 Masa : [3 jam]

Jawab LIMA soalan, sekurang-kurangnya 2 soalan dari tiap-tiap bahagian, A dan B.  
 Hanya LIMA jawapan yang pertama sahaja akan diperiksa.

Jawab tiap-tiap soalan pada muka surat yang baru.






Kertas ini mengandungi TUJUH soalan semuanya. (5 muka surat)

BAHAGIAN A

1. [a] 50.0 mL sampel mengandungi metil etil keton  $\text{CH}_3\text{COC}_2\text{H}_5$  (berat formula 72.108) dan bahan lengai telah diolah dengan hidroksilamina hidroklorida  $\text{NH}_2\text{OH}\cdot\text{HCl}$  yang berlebihan. Setelah pengoksiman, HCl yang terbentuk memerlukan 19.15 mL, 0.01123 M NaOH untuk dineutralkan. Kira berat keton yang terdapat di dalam 1 liter sampel?

(5 markah)


- [b] Lengkapkan tindak balas berikut yang membolehkan penentuan kumpulan fungsi dijalankan.



609

(10 markah)

- [c] Cadangkan bagaimana anda menjalankan analisis untuk menentukan bahan aktif pencuci yang terdapat di dalam sabun. Sebatian aktif itu mempunyai formula seperti berikut?








(5 markah)

2. [a] Asid karbosilik mempunyai pemalar penguraian di dalam julat di antara  $10^{-6}$  hingga  $10^{-4}$ , oleh itu ianya boleh dititratkan.

- [i] Nyatakan apakah jenis penunjuk yang sesuai.  
 [ii] Sekiranya asid itu kurang larut dalam air, bagaimana anda boleh mengatasinya?

(5 markah)

- [b] Terangkan bagaimana analisis untuk sebatian-sebatian berikut yang terdapat di dalam suatu sampel boleh dijalankan.




(10 markah)


- [c] HCl-dioksan merupakan sistem pelarut yang baik untuk analisis kumpulan epoksida tetapi jika di dalam sampel terdapat  $\alpha$  dan  $\beta$  aldehid anda akan menghadapi masalah gangguan. Bagaimanakah anda boleh mengatasinya  
 (5 markah)

3. [a] Cadangkan bagaimana analisis untuk campuran sebatian-sebatian berikut dapat dijalankan. Nyatakan keadaan dan reagen yang diperlukan.


[i]



[ii]




[iii]



[iv]



[v]



(20 markah)

.../4-

**BAHAGIAN B**

4. [a] Larutan 3%  $\text{Na}_2\text{CaEDTA}$  di dalam glukosa biasa digunakan untuk rawatan keracunan logam-logam berat termasuk plumbum. Terangkan dengan ringkas bagaimana plumbum dapat keluar daripada darah jika diketahui pemalar pembentukan  $\text{PbEDTA}$  dan  $\text{CaEDTA}$  masing-masing adalah  $1.0 \times 10^{18}$  dan  $5.0 \times 10^{10}$ .
- (8 markah)
- [b] Bjerrum dalam kajiannya pada tahun 1915 tentang pembentukan kompleks kromium(III) dengan ion tiosianat,  $\text{CNS}^-$ , telah berjaya membuktikan pembentukan kompleks secara berperingkat. Tunjukkan semua keseimbangan yang mungkin berlaku danuraikan bagaimana Bjerrum menentukan kepekatan spesies kompleks yang hadir.
- (12 markah)
5. [a] Kaedah Job dapat digunakan untuk menentukan nisbah mol kompleks dan pemalar kestabilan kompleks.
- [i] Terangkan dengan ringkas asas kaedah tersebut.
  - [ii] Terbitkan hubungan yang menunjukkan nisbah mol kompleks terletak pada penyerapan maksimum.
  - [iii] Berikan beberapa kelemahan kaedah ini.
- (15 markah)
- [b] Pemalar pembentukan kompleks setiap langkah bagi pembentukan kompleks,  $N = 2$  secara berturutan dapat ditentukan jika dilakukan dua percubaan untuk mendapatkan dua kepekatan ligan yang berbeza. Terbitkan persamaan yang berkaitan untuk menyelesaikan masalah ini.
- (5 markah)
6. [a] Apakah yang dimaksudkan dengan fungsi pembentukan kompleks,  $n$ ?
- (5 markah)

.../5-

[b] Bagi sistem Ag-NH<sub>3</sub>, kompleks terbentuk dalam dua peringkat.

[i] Jika NH<sub>3</sub> bebas dapat ditentukan, terbitkan hubungan ;

$$\bar{n} = (1-\bar{n})\beta_1[NH_3] + (2-\bar{n})\beta_2[NH_3]^2$$

[ii] Hitung K<sub>1</sub> dan K<sub>2</sub> jika diketahui data berikut:

Kepekatan NH <sub>3</sub> , M	1.094 × 10 <sup>-4</sup>	4.198 × 10 <sup>-4</sup>
-------------------------------	--------------------------	--------------------------

$\bar{n}$	0.492	1.463
-----------	-------	-------

(15 markah)

7. [a] Kompleks Cu(NH<sub>3</sub>)<sub>4</sub><sup>2+</sup> mempunyai pemalar kestabilan 1.1 × 10<sup>12</sup>. Kiralah

[i] Kepekatan Cu<sup>2+</sup> yang terdapat di dalam satu liter larutan hasil penambahan 0.1 mol Cu(NO<sub>3</sub>)<sub>2</sub> dan 1.0 mol NH<sub>3</sub>.

[ii] Nisbah Cu<sup>2+</sup> kepada Cu(NH<sub>3</sub>)<sub>4</sub><sup>2+</sup> di dalam larutan NH<sub>3</sub> 1.0 M.

[iii] Kepekatan NH<sub>3</sub> pada keseimbangan jika 50% kompleks telah terurai.

(6 markah)

[b] Terangkan bagaimana anda dapat menggunakan kaedah pengekstrakan pelarut untuk menentukan pemalar pembentukan kompleks.

(7 markah)

[c] Kaedah elektrokimia untuk penentuan pemalar pembentukan kompleks adalah kaedah yang paling luas penggunaanya. Huraikan kenyataan tersebut.

(7 markah)

ooo000ooo